

Budaya Masyarakat Jawa di Kedah

¹Noor Ain Hidayah Adenan; ²Siti Alwaliyah Mansor

^{1,2}Universiti Utara Malaysia

Address: Address: 06010 Sintok Kedah Darul Aman, Malaysia +604928 5707/+604928 5709

Corresponding author

noor_ain_hidayah@ahsgs.uum.edu.my¹; Alwaliyah@uum.edu.my²

Abstrak: Nilai dan peradaban dalam kalangan manusia mempunyai maksud yang besar. Etika di klasifikasikan sebagai sifat karakter, sikap dan adab yang menentukan tingkah laku sesuatu golongan. Nilai pula bermaksud sesuatu yang dikira baik seperti kasih sayang, baik hati, kepuasan hati, keseronokan, kejujuran, kesopanan, ketenangan, dan kesederhanaan. Hal yang demikian ia juga boleh di sifatkan sebagai perasaan tersirat bagi individu atau sifat-sifat bagi suatu kelompok atau individu. Budaya masyarakat Melayu menggunakan pantun yang mempunyai maksud tersirat dalam menyampaikan sebuah cerita yang wujud nilai atau pengajaran terhadap sesuatu perkara. Kajian menggunakan metod kualitatif iaitu temu bual dan kajian lapangan untuk mendapatkan sumber yang lebih jelas. Pada zaman dahulu, pantun sering digunakan untuk menyindir atau menegur seseorang secara halus. Namun begitu, pantun merupakan satu estetika yang tinggi pada zaman dahulu dan sebaliknya. Begitu juga dengan masyarakat yang berpindah ke pelusuk dunia pada zaman dahulu, dengan membawa nilai, adab dan kebudayaan setiap kelompok kaum dan masyarakat terutama di Tanah Melayu seperti Jawa, Minangkabau, Mandailing, Riau, Banjar dan Aceh. Setelah kelompok-kelompok ini berasimilasi dengan penduduk di Tanah Melayu, budaya dan leluhur masyarakat asal seperti Jawa sudah kurang ditonjolkan dan dipraktikkan pada zaman sekarang. Petikan di bawah menunjukkan orang Jawa tekad mengekalkan identiti jati diri mereka.

Kata Kunci: *Gamelan, Javanese, budaya, kuda kepong dan Kedah*

Pengenalan

Kewujudan tamadun awal yang bertapak di Tanah Melayu dan berkembang melalui proses interaksi dan mempunyai pengaruh unsur tertentu iaitu melibatkan sejarah pergerakan idea, amalan etika dan peradaban di Malaysia. Kepercayaan animisme merupakan pegangan awal masyarakat tradisi berasaskan semangat dan roh alam sebelum kurun ketiga. Kepercayaan ini wujud dalam bentuk adat resam telah mewujudkan elemen nilai dan tingkah laku berdasarkan kepercayaan mereka dalam kalangan masyarakat ketika itu dan ada yang masih kekal sehingga ke hari ini seperti amalan pemujaan, perkara ghaib, percaya kepada benda yang pelik dan seumpamanya. Kedatangan agama Hindu seawal kurun ketiga ke Tanah Melayu telah mengubah dan mempengaruhi aspek kepercayaan dan adat resam dalam sosial masyarakat. Pengaruh yang kuat dapat diperhatikan berdasarkan kepercayaan Hindu yang terkesan daripada sudut pemerintahan, kesusasteraan, kesenian dan sebagainya yang membentuk kebudayaan adat tradisi masyarakat tempatan sehingga lebih 10 kurun lamanya. Namun kedatangan dan perkembangan

agama Islam ke Tanah Melayu secara rancak bermula pada kurun ke-12 telah memberi impak besar terhadap pandangan semesta masyarakat tempatan. Pengaruh ajaran Islam berkembang dengan meluas sehingga mendasari aspek nilai dan peradaban masyarakat setempat dalam segenap aspek kehidupan. Selain aspek kepercayaan secara khusus, perkembangan etika dan peradaban khususnya di Tanah Melayu juga terkesan akibat pengaruh luar terutamanya daripada kerajaan-kerajaan awal yang muncul sebagai pusat pelabuhan di sekitar Kepulauan Melayu. Catatan sejarah menunjukkan kurun pertama Masihi telah wujud kerajaan di Alam Melayu seperti Javadvipa, Champa, Funan dan Langkasuka sehinggalah kepada kemuncak pertumbuhan tamadun awal ini dengan perkembangan empayar Srivijaya Majapahit daripada kurun ketujuh sehingga ke-14 dan Melaka pada abad ke-15 Masihi.

Idea dan amalan etika Kerajaan-kerajaan Islam di Alam Melayu dan Nusantara secara umumnya mula berkembang seawal kurun ke-13 Masihi. Bermula kesultanan Melayu Tenate (13M) sehinggalah Kesultanan Melayu Siak (18M) dan kemuncak silih berganti kerajaan Islam di Alam Melayu ini mempunyai peranan dan impak

tersendiri dalam mempengaruhi budaya dan norma masyarakat hasil interaksi yang berlaku terutamanya dari sudut sosial dan politik. Tahap penghayatan etika dan peradaban adalah berbeza dan dipengaruhi oleh perkembangan sejarah, struktur sosial dan biografi masyarakat berkenaan.

Walaupun sebelum Perang Dunia Kedua tamat, telah wujud penempatan tetap masyarakat Jawa di Melaka. Peningkatan populasi migrasi ini meningkat pada tahun 2002 iaitu sebanyak 7.3% ke 8.4% pada tahun 2020. Oleh yang demikian fokus kajian ini adalah di negeri Kedah Darul Aman dan mempunyai keluasan 9,425km iaitu 12 daerah dan 134 mukim. Ibu negeri Kedah ialah Alor Setar dan Bandar Diraja pula adalah Anak Bukit. Kedah mempunyai kepadatan penduduk sebanyak 2206.000 orang dan terletak di Utara Semenanjung Malaysia. Manakala dalam aspek iklim pula ia mempunyai bentuk muka bumi yang agak rata dan tanah pamah yang sesuai digunakan untuk penanaman padi serta terkenal dengan gelaran "Jelapang Padi". Terdapat 12 daerah yang ada dalam negeri Kedah iaitu daerah Kota Setar, Kuala Muda, Kulim, Sik, Kuala Ketil, Kubang Pasu, Pokok Sena, Bandar Baharu, Langkawi, Baling, Padang Terap, dan Yan. Jadual 1 di bawah menunjukkan maklumat asas Negeri Kedah yang dikemaskini pada tahun 2023.



Peta 1 : Kedudukan daerah negeri Kedah. (Sumber https://www.visitselangor.com/information/malaysia-maps/#google_vignette), tarikh akses 12.10.2024.

Sejak awal abad ke-20, masyarakat Jawa di Malaysia, khususnya di Baling, Kedah, telah memainkan peranan penting dalam membentuk landskap kebudayaan di negara ini. Dengan kedatangan mereka yang bermula pada era kolonial, masyarakat Jawa membawa bersama tradisi, bahasa, dan nilai-nilai yang kaya. Dari tahun 1945 hingga 2015, perubahan sosial dan politik di Malaysia telah mempengaruhi dan mengubah identiti kebudayaan masyarakat Jawa.

Di Baling, yang dikenali sebagai salah satu pusat penempatan masyarakat Jawa, kebudayaan mereka tidak hanya terhad kepada adat resam, tetapi juga melibatkan aspek seni, pertanian, dan interaksi sosial. Dalam tempoh ini, masyarakat Jawa telah mengalami transformasi yang ketara, dengan pengaruh globalisasi dan pembangunan moden yang mencabar tradisi yang telah bertahan sekian lama. Kajian ini akan meneliti perjalanan sejarah kebudayaan masyarakat Jawa di Baling, Kedah, merangkumi aspek-aspek penting seperti adat resam, bahasa, seni, serta pengaruh luar dan asimilasi yang membentuk identiti mereka dalam konteks Malaysia yang lebih luas.

Adat Resam

Masyarakat Jawa di Baling memiliki pelbagai adat resam yang mencerminkan kepercayaan dan nilai mereka. Masyarakat Jawa di Baling kaya dengan pelbagai adat resam yang mencerminkan kepercayaan, nilai, dan identiti budaya mereka. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai panduan dalam menjalani kehidupan tetapi juga menjadi ikatan yang mengukuhkan hubungan sosial dalam komuniti. Melalui pelbagai adat dan tradisi ini, masyarakat Jawa di Baling mampu mengekalkan warisan budaya mereka sambil terus beradaptasi dengan perubahan zaman.

Masyarakat Jawa juga mengamalkan adat dan pantang larang pada hari-hari tertentu. Tahta, kekayaan hasil bumi dan jawatan tinggi dalam kerajaan Melayu menjadi pendorong dan perangsang bagi masyarakat Jawa yang berada di Alam Melayu. Aspek nilai juga sangat penting dalam memainkan peranan kehidupan dan daripada konteks hukum. Nilai merupakan sesuatu yang menjadi pendorong atau landasan untuk menegakkan hukum dalam masyarakat dan menjadi falsafah hidup.

Masyarakat Jawa terkenal dengan ketinggian budaya walaupun mereka tidak tinggal di Tanah Jawa. Masyarakat Jawa sering menggunakan "unen-unen" iaitu peribahasa dalam kehidupan sehari-hari yang bermaksud mempunyai mesej-mesej berharga yang terhasil daripada nilai-nilai Pendidikan nenek moyang mereka. Aspek ketaatan masyarakat terhadap peraturan tertentu, dengan pemahaman terhadap nilai peribahasa sangat mempengaruhi masyarakat dalam peraturan kehidupan. Peribahasa ini juga dipertahankan ke mana sahaja digunakan oleh orang Jawa sehingga ke Rantau Melayu.

Selain itu, masyarakat Jawa mengutamakan nilai kekeluargaan. Dalam banyak adat, kehadiran dan kerjasama ahli keluarga sangat penting. Contohnya, dalam upacara tertentu, seluruh keluarga akan berkumpul untuk membantu satu sama lain, mencerminkan semangat gotong-royong yang kuat.

Kebudayaan perayaan di kepulauan Jawa memang ada dan dikekalkan sehingga sekarang. Dengan cara

meminta maaf yang dipanggil sungkem. Adat ini masih diguna pakai sehingga sekarang dan sungkem ini adalah salah satu adat yang tingkah laku seseorang untuk meminta maaf adalah dengan duduk bersimpuh dan memakan masa 15 minit seorang.

Bagi perayaan raya puasa masyarakat Jawa di kepulauan Jawa akan menginfakkan 3-4 ekor lembu untuk ditumbangkan dan diagihkan daging tersebut kepada fakir miskin. Pagi raya jikalau rendang atau menu utama raya tidak ada umpama tidak raya. Jadi disebabkan itu mereka akan memberi.

Adat Perkahwinan

Misalnya dalam perkahwinan dalam masyarakat Jawa biasanya melibatkan pelbagai ritual yang penuh makna. Prosesnya sering kali dimulakan dengan lamaran, diikuti oleh upacara pertunangan dan akhirnya majlis perkahwinan. Dalam majlis ini, terdapat pelbagai tradisi seperti "sungkeman" di mana pengantin meminta restu daripada orang tua, serta "midodareni" yang diadakan sebelum hari perkahwinan untuk mendoakan kebahagiaan pasangan.

Upacara Keagamaan

Masyarakat Jawa di Baling juga mengamalkan pelbagai upacara keagamaan yang berkaitan dengan kepercayaan animisme, Hindu, dan Islam. Contohnya, upacara selamat diadakan untuk merayakan peristiwa penting dalam kehidupan seperti kelahiran, kematian, dan ulang tahun. Ini mencerminkan kepercayaan mereka terhadap kehidupan selepas mati dan kepentingan doa dalam meraih berkat.

Adat seperti selamat (kenduri doa selamat) sering diadakan untuk merayakan pelbagai peristiwa penting, seperti kelahiran, pernikahan, dan kematian. Selain itu, upacara tradisional lain, seperti ngaji (pengajian Al-Quran) dan tahlilan, juga diamalkan, menghubungkan mereka dengan tradisi Islam yang kuat. Adat dan budaya tidak dilupakan dan masih terus diamalkan dalam kalangan masyarakat atau penduduk setempat. Semasa zaman Srivijaya Majapahit lagi telah wujud adat dan budaya Hinduisme. Sekiranya dahulu kala tidak ada lagi agama Islam penyembahan berhala sangat berleluasa sehinggalah adanya Wali Songo yang berasal dari Kepulauan Jawa telah menyebarkan agama Islam.

Kajian lepas yang dilakukan oleh sarjana seperti Dr Khazin Tamrin dan Dr Noriah juga ada mengkaji tentang adat dan budaya Jawa dan Melayu dalam kajian Benang Sari menceritakan tentang perubahan budaya dari zaman ke zaman. Menurut kajian ini, adat dan budaya Jawa dan Melayu sering diwarisi melalui lisan dan tradisi, yang memberi peluang kepada perubahan dan penyesuaian mengikut konteks sosial dan sejarah.

Manakala karya seni dan sastera, seperti yang terdapat dalam "Benang Sari," sering menggambarkan konflik dan keselarasan antara tradisi lama dan pengaruh baru, memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang identiti budaya.

Kajian ini mendapati bahawa adat dan budaya bagi masyarakat Jawa ke tanah Melayu masih mengekalkan untuk beberapa buah keluarga di Baling, khususnya di sekitar kampung Kuala Merah. Kampung ini di dalam daerah Baling di Kedah, dan keluasan kampung ini adalah dua batu persegi. Kedudukan kampung ini di daerah Baling iaitu dalam Mukim Tawar. Kedudukan kampung tersebut sempadan di Utara ialah Kampung Padang Pulai, sempadan Timur dengan Kampung Tiban, terletak bersempadan Barat dengan Kampung Padang Geh dan di Selatan pula dengan Kampung Batu Lima.

Kampung ini mempunyai lebih 160 orang keluarga yang semakin berkembang iaitu melibatkan lebih dari 750 orang penduduk berketurunan Jawa. Jumlah masyarakat di sini semakin bertambah setiap tahun jika hendak dibandingkan dengan Kampung Aceh. Pekan yang terdekat ialah Kuala Ketil iaitu sejauh tujuh kilometer dari kampung terbabit.

Temubual dan pemerhatian telah dilakukan di kawasan kampung ini. Menurut Encik Yahya, adat budaya dalam keluarga beliau masih lagi diamalkan, seperti makanan harian, rewang, dan adat untuk orang mengandung sehingga melahirkan sehingga hari ini.

Kenduri

Dalam konteks kenduri, Kenduri kendara yang diadakan di sesebuah rumah atau perkampungan sering kali tidak dilupakan. Hubungan sosial sesama manusia juga diambilkira ketika perlu menghadiri kenduri di waktu ini hanya perlu kepada layangan kad dan tidak perlu kepada undangan secara mulut. Fenomena ini sudah dianggap lumrah dan sudah diterima oleh kebanyakan masyarakat Melayu sama ada dari suku kaum Banjar, Jawa, ataupun Melayu tempatan. Namun undangan daripada mulut adalah dianggap lagi sopan dan beradab sejajar dengan tata-krama Jawa.

Tingkah laku dan tutur kata sewaktu mengundang tamu amat diambil kira oleh Masyarakat setempat yang dikaji, lebih-lebih lagi mereka yang diundang amat diperlukan sebagai juru rewang ataupun orang yang diundang itu lebih tinggi kedudukannya dari segi umur dan status.

Adat mengundang seringkali diadakan di waktu-waktu yang sudah dikira tidak akan mengganggu orang yang ditemui. Waktu yang lumrahnya menjadi kebiasaan untuk menjemput ke majlis kenduri ialah pada waktu petang atau malam selepas maghrib kerana waktu ini kebanyakan orang ada di rumah.

Munjung

Munjung berasal daripada kata dasar kunjung yang bermaksud megunjung atau menemui. Melalui perlakuan anggota masyarakat melahirkan rasa hormat dalam bentuk berkunjung sambil memberi buah tangan dan yang lebih umum ialah makanan. Dalam Masyarakat yang diuji setiap anggota Masyarakat mempunyai tanggungjawab dan hak untuk munjung dan menerima punjungan. (responden online). Kepada generasi muda, mereka melakukan munjung kerana berasa tanggungjawab dan andai tidak melakukan itu dianggap sebagai manusia kolu mangan dhewe (menelan-makanan sendiri). Pada golongan yang lebih tua, iaitu berumur lingkungan 55 tahun ke atas, kebanyakan mereka melakukan munjung kerana merasai orang yang dipunjung itu lebih dihormati. Golongan yang dihormati seperti imam masjid, guru, dan ustaz. Justeru, munjung dilakukan atas faktor-faktor seperti ikatan kekeluargaan, faktor umur, jiran, dan keakraban hubungan sesama masyarakat sesuatu masyarakat.

Rewang

Kebanyakan kenduri atau majlis beradab di setiap perkampungan di mana-mana pun, adat rewang kebanyakannya wujud dalam istilah lain bergotong-royong yang dilakukan oleh Masyarakat keturunan Jawa terutama sewaktu mengadakan kenduri-kendara. Lumrahnya, masyarakat Jawa asasannya menganggap rewang ini adalah tanggungjawab yang harus dipertanggungjawab bersama.

Upacara ini dimulakan dengan rewang-silih bermaksud bermulanya pinjam meminjam pinggan mangkuk dan keperluan lain untuk tuan rumah sewaktu kenduri kendaraan yang dijalankan. Waktu yang selalu akan di hadiri oleh jiran-jiran 2.30-3.00 selepas waktu zohor. Para rewang Wanita selalunya akan membawa pisau pemotong bersama untuk memotong bawang atau sayuran semasa rewang. Istilah Jawa dipanggil ngerajang-ngerajang. Anggota dan masyarakat yang terlibat untuk pergi rewang sanggup mengorbankan masa untuk kepentingan untuk memastikan kenduri itu berjaya. Justeru, perkahwinan ini merupakan hari cuti bagi mereka yang bekerja. Bagi tempat kajian yang dilakukan, amalan rewang ini masih lagi diamalkan dan dibuat oleh mereka walaupun masing-masing sudah bekerja jauh di perantauan kota.

Nyumbang

Masyarakat Jawa yang dikaji, kampung ini bukan hanya menyumbang tenaga malahn adakalanya disertai dengan sumbangan barangan keperluan. Sumbangan barangan keperluan lebih dikenali sebagai nyumbang, iaitu pemberian berupa wang atau bahan-bahan makanan seperti, beras, gula, minyak, dan telur. Ada juga ahli Masyarakat yang tidak ikut nyumbang tapi dengan pemberian wang dan dalam kalangan masyarakat yang

dikaji dikenali sebagai kondangan.

Daripada pemerhatian, didapati setiap anggota Masyarakat yang berketurunan Jawa akan berasa tanggungjawab dalam melakukan nyumbang. dengan adanya nyumbang secara tak langsung akan meringankan beban tuan rumah dan tuan rumah juga akan melakukan hal yang sama kepada sesiapa yang mengadakan kenduri kelak.

Bahasa

Permulaan bahasa dan tulisan bermula di Sumatera utara sebelum berpindah ke kepulauan Jawa sekitar kawasan bermulatikus (jawi) untuk Bahasa Sanskrit pada zaman Salendra dan juga Ramasaya.

Bali, Jawa, Sunda di kepulauan Jawa intonasi bahasa agak berlainan seperti bahasa Aceh, Medan, Mandailing, Minang iaitu kawasan Sumatera utara, bagi kita yang hidup serumpun boleh membezakan bahasa dan perkataan yang sinonim di masukkan dalam perkataan frotik melayu. bagi kepulauan Jawa pula berbeza dan tidak ada intonasi dan bunyian seperti frotik melayu.

Bahasa Jawa masih dituturkan secara meluas dalam kalangan masyarakat ini. Dialek yang digunakan di Baling mungkin berbeza sedikit daripada dialek asal di Jawa, tetapi ia tetap menjadi medium penting untuk menyampaikan nilai dan budaya mereka. Penggunaan bahasa Jawa dalam komunikasi sehari-hari dan dalam upacara tradisional memperkuat identiti mereka sebagai komuniti yang unik.

Petikan di bawah menunjukkan orang Jawa tekad mengekalkan identiti jati diri mereka.

“Semua orang Jawa itu berbudaya satu. Mereka berfikir dan berperasaan seperti moyang mereka di Jawa Tengah dengan kota-kota Yogya dan Sala sebagai pusat-pusat kebudayaan. Baik mereka yang masih tinggal di Pulau Jawa mahupun yang sudah menjadi warganegara Suriname ataupun mereka yang telah menemukan tempat tinggal baru di daerah-daerah transmigrasi di luar Jawa, mereka tetap perteguh pada Yongya dan Sala dalam menghayati hidup budaya mereka.” (Marbagun Hardjowirgo, 1989)

Konsep ini amat lumrah di kalangan masyarakat Jawa dan pengertiannya di dalam bahasa Melayu ialah faham hormat (Noriah Mohamed, 2001). Daripada penelitian kawasan yang dikaji kebanyakan generasi muda tidak ingin memahami apa yang terungkap dalam tata-karma, terutama mereka yang berumur antara 15-24 tahun. Daripada 15 responden yang ditemubual hanya 7 orang sahaja yang masih fasih dan lancar bertutur dalam bahasa Jawa.

Dari segi Bahasa, tata bererti susunan dan karma bererti kahwin dan dalam erti kata lain yang lebih tepat

adalah tingkah laku, sopan santun, adat, perangai dan tabiat (Prawiroatmodjo, 1980). Dapat disimpulkan bahawa tata-krama adalah susunan sopan santun atau susunan tingkah laku. Dalam erti kata lain, seseorang harus tahu tentang kedudukan dirinya dalam masyarakat. Kalau dia dari golongan muda, dia harus menggunakan Bahasa Jawa bentuk Krama bila berbicara dengan orang yang lebih tua dan suara yang diujarkan seharusnya lembut dan merendah.

Pengaruh Luar dan Asimilasi

Kedatangan penjajah British dan perubahan sosial yang berlaku di Malaysia telah memberi kesan kepada masyarakat Jawa. Misalnya, pengaruh barat dalam bidang pendidikan dan ekonomi telah membawa kepada pengubahan cara hidup mereka. Walaupun begitu, masyarakat Jawa berjaya mempertahankan identiti mereka dengan mengadaptasi elemen-elemen baru tanpa mengabaikan warisan budaya asal.

Erti asimilasi mengikut kamus dewan bahasa dan pustaka edisi keempat proses menukarkan makanan berzat menjadi tisu hidup. Juga pemanduan bermacam-macam jenis atau berbagai-bagai unsur menjadi satu, mis panduan unsur daripada kebudayaan yang berlainan menjadi satu kebudayaan, iaitu satu kebudayaan dapat dimesrakan dengan kebudayaan lain dan hasilnya menjadi satu. Proses penghijrahan dari Kepulauan Jawa tidak menjadi satu asbab untuk melupakan kebudayaan, adat, dan identiti masyarakat itu sendiri. Bagi Masyarakat melayu dengan Jawa tidak mempunyai banyak perbezaan ini kerana melayu juga mengamalkan budaya yang sama.

Jawa merupakan satu rumpun yang dikenali di kalangan masyarakat antarabangsa sebagai satu bangsa yang berkembang maju dalam bidang pertanian. Semenjak zaman sebelum mendapat kemerdekaan lagi masyarakat Jawa telah terkenal sebagai bangsa yang sering menggembara dan mudah menerima bangsa lain supaya hidup bersama-sama di dalam kelompok masyarakatnya. Di antara etnik seluruh dunia yang mempengaruhi perkembangan Bahasa, kesusasteraan, budaya dan lain-lain di alam melayu adalah bangsa Arab, Inggeris, Sepanyol, Portugis dan banyak lagi. Tidak ketinggalan juga etnik di Nusantara atau lebih dikenali sebagai kawasan asia Tenggara turut sama mempengaruhi peluasan aspek-aspek yang disebutkan tadi di alam melayu. Di antara etnik dari Nusantara yang mempengaruhi alam melayu ialah Bugis, Banjar, Minangkabau dan Mandailing. Dalam sub topik ini akan diperincikan mengenai pengaruh Masyarakat Jawa dalam rumpun Melayu dari segi bahasa, kebudayaan, kesusasteraan, seni dan sebagainya.

Seorang ahli filsafat Cassirer, menyebut manusia sebagai animal symbolicum (1944:24). Menurutny

hanya manusia yang mampu menciptakan, menggunakan, dan mengembangkan simbol sebagai sarana interaksi sosial dalam kedudukannya sebagai makhluk berbudaya. Hanya manusia pula yang mampu mengabadikan makna dalam keseimbangan kehidupan bermasyarakat melalui rajutan simbol-simbol yang terelasi satu sama lain secara keseluruhan. Simbol-simbol ini secara luas mencakup tidak hanya berupa objek-objek, atau kegiatan-kegiatan, tetapi juga berupa hubungan-hubungan, gerak isyarat maupun situasi tempal yang sacral (Turner, 1982). Maka tidak keliru apabila ahli antropologi simbolik, Clifford Geertz menyebutnya simbol sebagai sistem kebudayaan (Geertz, C., 2000).

Masyarakat dan kebudayaan merupakan kesatuan integral yang selalu melekat dalam hidup dan kehidupan manusia. Setiap masyarakat memiliki dan mengaktualisasikan kebudayaannya. Kebudayaan adab bertahan, dan berkembang oleh karena keberadaan masyarakat yang di dalamnya ada kelompok individu-individu pendukung kebudayaan tersebut. Tidak ditemukan satu pun masyarakat di dunia ini yang tidak memiliki kebudayaan.

Unsur-unsur kebudayaan yang bersifat universal itu meliputi sistem kepercayaan, mata pencaharian, system sosial, sistem pengetahuan, bahasa sistem teknologi, dan kesenian.

Seni dan Kesenian

Masyarakat Jawa di Baling juga kaya dengan tradisi seni dan kesenian. Tarian Jawa, gamelan, dan seni suara seperti wayang kulit merupakan contoh seni yang masih dipertahankan. Kesenian ini bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, tetapi juga sebagai medium untuk menyampaikan cerita dan nilai-nilai moral.

Keluarga Encik Yahya iaitu generasi ketiga dalam keluarganya masih lagi mengamalkan kebudayaan dan kesenian. Satu hal yang jelas, kesenian tradisional orang Jawa yang pernah diamalkan untuk generasi pertama dan kedua sudah pupus seperti jidur, andeande lumut, wayang kulit. Budaya yang masih diamalkan secara langsung adalah seperti makanan, nilai, norma, bahasa tetap dan pantang larang.

Kesenian sebagai salah satu bentuk kebudayaan, tersusun oleh idea, perilaku berkesenian dan hasil kesenian. Kesenian adalah fenomena kultural yang menyejarah sepanjang masa. Bahkan dikatakan seorang ahli budaya Amerika, Frans Boas bahwa di belahan dunia mana saja pasti memiliki bentuk kesenian. Katanya dalam suasana sesibuk apapun, warga suatu masyarakat meluangkan waktunya melakukan kegiatan berkesenian sebagai upaya memenuhi kebutuhan integratifnya. Kesenian yang hadir dan berkembang dalam berbagai masyarakat membuktikan bahawa seni bukanlah peristiwa budaya yang bebas nilai.

Seni terkait dengan kenyataan konkret, yang konkret itu ada dalam waktu dan tempat tertentu, sehingga bersifat kontekstual. Memaknai fenomena kesenian pada konteksnya merupakan cara yang bijaksana untuk bisa memahami realitas suatu hasil ekspresi. Menurut Yacob Sumarjo, budaya kita belum sepenuhnya ontologis, pengaruh kebudayaan lama (tradisi) tidak begitu saja mudah dihilangkan. Bahkan kesenian sering digunakan sebagai media pertemuan dunia "sana" dan dunia "sini", dunia atas dan bawah, untuk mencapai pertemuan transenden. Melalui kegiatan kesenian, seperti pula kesenian cabang seni rupa, pengalaman estetis dapat ditemukan (Sumarjo, J, 2000).

Berbicara tentang seni tidak dapat dipisahkan dengan manusia. Bukan saja karena ia sebagai hasil tindakan manusia, tetapi di dalam seni terkandung refleksi tentang relasi manusia dengan manusia, manusia dengan alam lingkungan, dan manusia dengan Tuhan. Melalui seni manusia dapat menunjukkan dan bahkan mempertanyakan atau menawarkan berbagai kemungkinan kedudukan dirinya dalam konteks kemanusiannya.

Fenomena seni merupakan jagad refleksi kemanusiaan, sebuah dialektika yang tidak pernah berhenti sepanjang masa. Dunia kesenian diciptakan dan dikembangkan oleh dan untuk kehidupan manusia. Seni dan peristiwa kesenian yang dikendalikan oleh aspek cipta, rasa, dan karsa itu hanya melekat pada insan manusia bukan hewan atau makhluk lain. Seni bentuk perwujudan pengalaman seseorang atau kelompok suatu Masyarakat tertentu, yang dihadirkan melalui media sehingga menjadi konkret (Firth, R. Coot, J. and Shelton, A, 1992). Ada seni yang bersifat personal, ada milik kelompok sebagai pernyataan pengalaman estetika kolektif. Seni individual lebih mementingkan gaya pribadi, berbeda dengan seni kolektif yang anonim, dijiwai nilai masyarakat dan menjadi kebanggaan bersama. Seni jenis pertama lebih bersifat murni (fine art), biasa diklaim sebagai kelompok seni modern (kontemporer), sedangkan jenis kedua digolongkan pada wilayah seni tradisi yang cenderung sebagai applied art.

Pada dasarnya, kebanyakan masyarakat Jawa berasal ini mempunyai satu pegangan agama yang sama iaitu Islam selepas penyebaran agama Islam berlaku di serata tempat. Walau bagaimanapun, masyarakat Jawa di Malaysia adalah sebahagian daripada kaum melayu. Dari segi bahasa walaupun sudah berasimilasi masyarakat Jawa menuturkan bahasa Jawa di kalangan orang Jawa sahaja, untuk percakapan dengan yang menetap di kampung itu menggunakan pertuturan Bahasa melayu, kerana sudah beberapa generasi selepas penghijrahan berlaku. Contoh tulisan Jawa dan

Melayu tulisan Jawa merangkumi dua jenis formal dan tidak formal.

Makanan

Indonesia sememangnya terkenal dengan hidangan yang kaya dengan rempah ratusnya. Penghijrahan masyarakat Indonesia ke tanahair kita telah membawa pelbagai jenis budaya dan salah satunya adalah budaya masyarakat Jawa. Terdapat ramai masyarakat Jawa yang sudah menetap serta bermastautin di Malaysia, malah ada yang menjadi warganegara di sini. Maka, tidak hairanlah makanan Jawa begitu terkenal dan mendapat sambutan. Namun, pada hari ini terdapat makanan Jawa yang sudah tidak dikenali lagi, dari segi makanan Jawa seperti cucur Jawa, Nasi Ambeng, Pecel, Tempe, Sambal Goreng, Ungkep, Rempenyek, Getuk Ubi, Garang Asem beberapa jenis makanan Jawa yang dibuat dalam sehari-hari, biarpun terdapat makanan yang popular, namun ada juga yang sudah tidak diteruskan lagi oleh generasi masa kini.

Disamping itu, sayur bening juga merupakan makanan masyarakat Jawa. Sayur bening terdiri daripada minyak, tumisan bawang merah dan bawang putih, udang kering, bahagian batang bayam, bahagian daun bayam serta air secukupnya. Penyediaan sayur bening ini tidak sukar seperti masakan Jawa yang lain. Nasi padang juga menjadi salah satu hidangan masyarakat Jawa yang berasal dari Minangkabau.

Kesan dan Sumbangan Nilai Kebudayaan Masyarakat Jawa.

Kesan kebudayaan dalam masyarakat Jawa ke pelusuk alam Melayu tidak memberi kesan yang buruk untuk perkembangan dunia, kerana masih ada kebudayaan seperti tarian kudang kepang, rewang, makanan yang perlbagai di Malaysia setelah asimilasi terjadi. Penghijrahan masyarakat Jawa ke tanah Melayu memberi kesan yang mendalam kepada Kementerian kebudayaan di Malaysia dan sumbangan kepada Negara Malaysia.

Kesan yang baik pada negara dan pada semua yang diperolehi dalam semua aspek terutama dari segi kebudayaan, setiap upacara yang diadakan, mahupun kenduri kecil-kecilan, muzik kebudayaan ini masih di teruskan.

Sumbangan nilai kebudayaan masyarakat Jawa bukan dari segi tarian sahaja, malah dari belbagai aspek seperti, Bahasa, tarian, tulisan, makanan, pembangunan rumah tradisional, adat perkahwinan dan sebagainya. Di Malaysia penyebaran budaya Jawa dari zaman kepercayaan Hindu-Jawa yang merupakan perantau yang memulakan hidup baru disini. Permulaan adat budaya yang ada sehingga ke hari ini di Johor merupakan budaya tarian kepang sehingga sekarang masih di teruskan. Serata pelusuk dunia adat adat yang telah luput dek zaman kerana

sekarang adalah zaman teknologi yang merupakan senang untuk mencari dan menyimpan bahan-bahan lama tetapi jarang dipraktikkan oleh sesetengah generasi sekarang. Tetapi, bagi Bahasa dan adat apabila sudah berasimilasi bagi masyarakat Melayu sendiri mempraktikkan dan masih menggunakan adat dalam perkahwinan seperti tepung tawar, rewang, renjis dan pelbagai adat Jawa yang dipraktikkan dalam kalangan masyarakat.

Dalam bidang politik banyak tokoh politik berketurunan Jawa yang memberikan jasa dalam kestabilan Negara ini seperti Allahyarham Sardon Jubir, Tan Sri Mustafa Jabar, dan sebagainya. Aspek ekonomi juga ternyata banyak keturunan Jawa yang terlibat dalam kegiatan pertanian dan berniaga sehingga ada yang menjadi usahawan yang berjaya seperti Datuk Zubir Bajuri (Mantan Pengarah Urusan Kumpulan Perangsang). Begitu juga dalam aspek sosial seperti keunggulan keluarga Sidek dalam arena badminton tanah air (Firth, R. Coot, J. and Shelton, A, 1992).

Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat dibuat dalam bab empat ini menjelaskan jurang yang terdapat di kampung Kuala Merah dengan perkampunya lain yang mengutamakan masyarakat Jawa selepas berlaku penghijaran dan menetap terus di semenanjung utara Tanah Melayu, terdapat perbezaan antara Selangor, Johor, Perak dan Kedah, seperti tarian kuda kepang tidak dilakukan di utara semenanjung, tetapi masih dikekalkan di Johor.

Budaya Jawa dapat memberi sumbangan besar kepada kepelbagaian budaya Malaysia, terutama dalam seni persembahan tarian, makanan dan adat istiadat. Nilai yang apat dicontohi oleh semua golongan seperti semangat komuniti, sopan santun, dan kerjasama dalam menyokong keharmonian Masyarakat majmuk Malaysia. Selepas asimilasi dari sudut ini dapat memberi kesan positif dengan memperkayakan identity nasional melalui kepelbagaian etnik, boleh menguatkan hubungan serantau antara Malaysia dan Indonesia serta menjadi tarikan pelancong dan sumber ekonomi melalui festival budaya yang diadakan.

Rujukan

- Arbagun Hardjowirgo, Manusia Jawa. PT Inti Idayu Press, Jakarta. 1989.
- Firth, R. Coot, J. and Shelton, A. ed. Art and Anthropology. 1992.
- Geertz, C. Tafsir Kebudayaan. Yogyakarta: Kanisius. 2000.
- Noriah Mohamed, Jawa Di Balik Tabir. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 2001
- Sumarjo, J. Filsafat Seni. Bandung: ITB. 2000.

Sunarti, S., Masri, M., & Bakar, Z.A (2025). Persepsi masyarakat terhadap diaspora Jawa di Malaysia: Asimilasi, adaptasi dan peranan media. Jati. Journal of Southeast Asian Studies, 30(1)..
<http://ejournal.um.edu.my/index.php/jati/articles/view/20231>

Prawiroatmodjo. Bausastra Jawa Indonesia. Jilid , edisi 2. 1980

Turner, V. The Forest of Symbols. Ithaca and London: Cornell University Press. 1982.